Melayu Definisi, Melayu Polisi dan Bukan Melayu dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu: Satu Tinjauan

(Definitive Malay, Policy Malay and Non-Malay in the Malay Reservation Enactment : An Overview)

RESALI MUDA

ABSTRAK

Enakmen Tanah Rizab Melayu (ERM) adalah satu set undang-undang tanah khusus kepada orang Melayu bertujuan melindungi kepentingan tanah orang Melayu. Terdapat tiga kategori 'orang' (orang semulajadi dan orang jadian) yang boleh terlibat dalam ERM, iaitu, Melayu Definisi, Melayu Polisi dan Bukan Melayu. Entiti-entiti dalam kategori Melayu Polisi dan Bukan Melayu diberikan keupayaan untuk menyertai ERM dalam pelbagai kapasiti berbeza yang dinyatakan dalam peruntukan ERM itu sendiri. Perbezaan ini disebabkan oleh ketidakseragaman pelaksanaan kuasa penentuan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan. Setiap negeri melaksanakan kuasa secara tersendiri dan pelaksanaan bidangkuasa yang tidak seragam antara negeri ini telah membawa kepada kecelaruan ERM itu sendiri. Satu usaha holistik perlu dilakukan segera bagi tujuan penyeragaman kaedah penetapan ketiga-tiga kategori Melayu dalam ERM.

Katakunci: *Melayu definisi; Melayu polisi; bukan Melayu; kapasiti berbeza penentuan entiti; pihak berkuasa negeri.*

ABSTRACT

The Malay Reservation Enactment (MRE) is a set of special land legislation for the Malays with the purpose of protecting their interest in land. There are three categories of 'persons' (both natural and legal persons) who could lawfully participate in the MRE, namely, the definitive Malay, the Policy Malay and Non-Malay. Persons coming within the category of 'Policy Malay and Non Malay' are able to participate in the MRE in different capacities enunciated therein. The differences among them are due to the disparity in power exercised by the state authority. Each state exercises the power independently and quite differently from each other and hence muddles the implementation of the MRE. Holistic efforts should be made to ensure the uniformity of the procedures of determining entity and capacity of each of the categories of persons that can lawfully be involved in the MRE.

Keywords: *definitive Malay; policy Malay; non-Malay; different capacities; entity determinations; state authority.*

PENDAHULUAN

Enakmen Rizab Melayu (ERM) merupakan undang–undang tanah khusus[1] yang berkuatkuasa selari dengan undang-undang umum yang terpakai secara seragam di Semenanjung Malaysia iaitu Kanun Tanah Negara 1965. Ia terletak dalam bidangkuasa kerajaan negeri. Ia beroperasi sebagai satu contoh pemakaian maksim "*generalia specialibus non derogant*".[2] Adalah tidak mudah untuk memahami definisi dan konsep Melayu walau pun hanya dalam konteks ERM. Apatah lagi memahami ERM beroperasi dalam konteks kesemua Sembilan ERM yang ada sekarang dan pemakaian kepada 9 buah negeri. Perkataan "Melayu" sahaja mempunyai 9 definisi, mekanisma Melayu pula berbagai-bagai. ERM pertama digubal Inggeris ialah ERM 1913.[3] Setelah 20 tahun dilaksanakan ERM 1913 dimansuhkan dan diganti dengan ERM 1933[4] Kemudiannya ERM 1933 ini telah dipinda pada tahun 1934 dipakaikan kepada semua NMB dan dikenali sebagai ERM Bab 142. Negeri-negeri Melayu Tidak bersekutu (NMTB) iaitu Kelantan, Kedah, Perlis, Johor dan Terengganu juga mengadakan ERM masing-masing.

Artikel ini cuba mengupas siapakah orang Melayu dalam ERM dan orang yang dibenarkan menyertai ERM menurut kandungan ERM masing-masing. Adakah ERM hanya khusus untuk orang Melayu atau lebih daripada itu.

SEJARAH PENGGUBALAN DAN PEMAKAIAN ERM

Enakmen Rizab Melayu digubal Inggeris bagi menghalang kehilangan tanah milik orang Melayu kepada bangsa pendatang. Pada November 1912 Majlis Mesyuarat Persekutuan telah membincangkan draf mengenai ERM ini. Pada 25 November 1913, draf itu

---

[1] ERM adalah undang-undang tanah Inggeris yang digubal dan dikuatkuasakan kepada penduduk asal negara iaitu orang Melayu dengan tujuan mengelak tanah kepunyaan penduduk asal (Melayu) daripada jatuh ke tangan penduduk mendatang. Orang Melayu yang dimaksudkan itu diberikan definisi dalam ERM.

[2] Mahkamah Rayuan dalam kes Wan Khairani Wan Mahmood v Ismail Mohamad & Anor 582 [2007] 6 CLJ 582 pada muka surat 607 memetik prinsip dalam kes Harshad S. Mehta and Others v. State of Maharashtra [2001] 8 SCC 257 yang menjelaskan maksim leges posteriors priores contrarias abrogant (later laws abrogate earlier contrary laws). This is, however, subject to the exception embodies in the maxim generalia specialibus non derogant (a general provision does not derogate from a special one). Jadi ERM mengatasi KTN 1965 mengikut prinsip ini.

Dalam kes Asia Commercial (M) Sdn. Bhd v Pemungut Hasil Tanah, timbul masalah yang dikatakan di atas. Tanah di dalam kes ini adalah tanah TRM yang diisytiharkan di bawah ERM 1913. Ia tidak di "endorse" kan sebagai "Pegangan Melayu" apabila ERM 1933 berkuatkuasa (kerana tidak mandatori). Pembeli tanah TRM itu kemudian menggadaikan kepada plaintif dan sebelum gadaian, pihak plaintif telah membuat carian di Pejabat Tanah dan didapati tiada catitan "Tanah Pegangan Melayu" pada DHD. Plaintif percaya ia bukan tanah TRM. Apabila berlaku kemungkiran peminjam, plaintif ingin mendapatkan perintah Mahkamah untuk melelong tanah tersebut. Tetapi kemudian diketahui bahawa tanah tersebut adalah TRM di mana plaintif tidak berhak untuk memegang gadaian tanah tersebut. Plaintif menghujahkan bahawa adalah mencukupi untuk menyemak status tanah itu di pejabat Tanah kerana untuk mencari lebih daripada itu akan berlawanan dengan "prinsip cermin atau tabir" di bawah sistem Torrens. Bagaimanapun Hakim Wan Hamzah mengatakan bahawa ini adalah satu kes di mana prinsip umum Kanun Tanah tidak terpakai kepada undang-undang khusus (prinsip generalia specialibus non derogant"). Plaintif tetap tidak sah untuk memegang gadaian tanah tersebut.

[3] Enakmen Rizab Melayu 1913 dikuatkuasakan pada 1 Januari 1914.

[4] No. 30 Tahun 1933. Berkuatkuasa pada 15 Disember 1933.

diluluskan dan menjadi “Enakmen Tanah Rizab Melayu ,1913 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1914 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NMB) iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.[5]

Bagaimanapun ERM 1913 gagal dari segi pelaksanaan kerana kehilanagan tanah orang Melayu masih berterusan terutama melalui gadaian dan penjualan secara Surat Kuasa Wakil. Pada akhir tahun 1930 satu Jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji dan menyediakan laporan ke atas pelaksanaan ERM 1913 dan kemungkinan pindaan dibuat kepada ERM 1913. Satu laporan telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini pada 21Disember 1931 atas nama “Report of the Malay Reservation Committee”.[6] Berdasarkan laporan ini keputusan diambil untuk menggubal undang-undang baru bagi menggantikan ERM 1913 ini.[7] Satu draf baru telah disediakan oleh penasihat undang-undang kepada NMB dan Majlis Mesyuarat Persekutuan telah membincangkan draf ini dengan panjang lebar dan kemudian meluluskan draf ini sebagai ERM 1933.[8] ERM 1933 kemudiannya telah dipinda pada tahun 1934 dengan pindaan No.8 Tahun 1934 dan dipakaikan kepada semua NMB dan dikenali sebagai ERM Bab 142. Ia dipanjangkan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1972.

Negeri-negeri lain (iaitu Negeri -Negeri Melayu Tidak Bersekutu) kemudiannya turut mengujudkan ERM mereka masing-masing iaitu :-
a) ERM Kelantan 1930[9]
b) ERM Kedah 1931[10]
c) ERM Perlis 1935[11]
d) ERM Johor 1936[12]
e) ERM Terengganu 1941

Penggubalan ERM bagi NMTB dengan meniru rangka ERM 1913 ataupun ERM 1933. Kelantan, Kedah dan Perlis mengguna pakai ERM 1913 sebagai acuan sementara Johor dan Terengganu mengguna pakai ERM 1933.[13] Inggeris tidak mengadakan apa-apa ERM di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.[14]

---

[5] No. 15 Tahun 1913.
[6] Laporan ini antara lain menyatakan “untuk menghalang penjualan tanah oleh orang Melayu, maka pinjaman harus disediakan untuk orang Melayu” dan mencadangkan agar cagaran dibenarkan kepada syarikat kerajaan, Syarikat Kerjasama, Syarikat-syarikat Melayu dan kerajaan sendiri. Kandungan repot Hal. 1-2.
[7] Bermakna untuk memansuhkan ERM 1913.
[8] Berkuat kuasa pada 15 Disember 1933.
[9] No. 18 Tahun 1930.
[10] Enakmen no. 63 Tahun 1931.
[11] Enakmen No. 7 Tahun 1353(H) (1935).
[12] Enakmen No. 1 Tahun 1936.
[13] Dilihat dari bentuk dan kandungan ERM dinegeri tersebut berbanding dengan bentuk dan kandungan ERM 1913 dan ERM 1913 dan Bab 142.
[14] Bagaimanapun orang-orang Melayu di Melaka dilindungi oleh “ Malacca Land Customary Rights Ordinance of 1880 ” dan kemudiannya diganti oleh National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963. DI bawah Akta ini bagi tanah pertanian bagi Tanah adat Melaka boleh di sewakan untuk tempoh 30 tahun kepada bukan Melayu.

MELAYU DALAM ERM

Daripada peruntukan dan mekanisme ERM terdapat dua jenis Melayu yang terlibat iaitu Melayu yang boleh dikelaskan sebagai Melayu Definisi dan Melayu Polisi. Tetapi terdapat juga Bukan Melayu yang dibolehkan menjalankan sesuatu urusan secara spesifik yang dinyatakan dalam peruntukan ERM itu sendiri.[15]

Perkataan "Melayu Definisi" dan "Melayu Polisi" ini tidak dinyatakan dalam mana-mana ERM, tetapi memudahkan pengkajian konsep Melayu, ia dikelaskan bagi menggambarkan dua jenis "Melayu" yang beroperasi di dalam ERM masa kini. Adalah jelas bahawa perkembangan jenis Melayu ini timbul dalam masa perjalanan ERM (bukan timbul serentak) dan dikatakan perlu bagi menjadikan ERM ini lebih praktikal melalui tempoh masa pelaksanaannya. Ia juga merupakan perkembangan dasar pemerintah yang kemudiannnya dimasukkan dalam ERM sebagai pindaan terutama apa yang dimaksudkan sebagai "Melayu Polisi".

Kedua-dua Melayu Definisi dan Melayu Polisi ini tidak seragam dari segi mekanisma dan pelaksanaannya. Dalam definisi Melayu dalam ERM buat masa ini terdapat 6 buah definisi yang berbeza dan Melayu Polisi pula terdapat 10 pemakaian yang berbeza. Bagaimanapun, keseluruhannya Enakmen-Enakmen Rizab Melayu negeri-negeri memperuntukkan bahawa apabila berlaku apa-apa keraguan sama ada seorang itu Melayu atau sebaliknya, perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Raja Dalam Mesyuarat atau pihak Berkuasa Negeri untuk membuat keputusan dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.[16]

Selain daripada itu, pihak yang boleh mengambil bahagian dalam ERM tidak terhad kepada mereka yang dinyatakan dalam definisi sahaja tetapi juga terdapat dalam mekanisme lain. Mekanisme lain yang dimaksudkan itu ialah seperti peruntukan yang memberi kuasa kepada Raja Dalam Mesyuarat untuk menerima entiti lain sebagai Melayu, juga ada peruntukan menerima entiti lain bagi menerima milikan tanah TRM, membuat urusniaga dalam TRM dan sebagainya. Ini bermakna ada orang Melayu bukan semulajadi dibenarkan menyertai ERM dan juga ada Bukan Melayu yang dibenarkan menyertai ERM. Contoh yang jelas ialah ERM Kedah dan Perlis menerima orang Siam seperti mana Melayu sedangkan mereka Bukan Melayu.

KONSEP MELAYU DALAM ERM

Meneliti peruntukan ERM sama ada ERM Bab 142 dan ERM bagi Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, Melayu Definisi dan Melayu Polisi ditentukan secara berikut:

(i) Melayu Definisi, ditentukan melalui definisi "Melayu" di dalam ERM yang mana sesuatu negeri itu berada.

[15] Dalam kes Tan Hong Chit v Lim Kim Wan [1964] MLJ 113. Mahkamah menghuraikan bahawa dalam sesuatu TRM boleh terdapat tiga jenis tanah iaitu tanah kerajaan, tanah yang di miliki oleh orang Melayu dan tanah yang di miliki oleh Bukan Melayu.

[16] Pihak Berkuasa Negeri – Lihat seksyen 20 ERM Bab 142, Seksyen 22 ERM Johor, Seksyen 13 ERM Kelantan. Bagi Raja Dalam Mesyuarat- Lihat seksyen 17 ERM Kedah, seksyen 18 ERM Perlis, Seksyen 22 ERM Terengganu.

(ii) Melayu Polisi pula ditentukan melalui peruntukan di dalam ERM itu bagaimana entiti selain Melayu Definisi diberi "keupayaan" untuk mengambil bahagian dalam mekanisme ERM. Kemudian entiti ini akan "disifatkan sebagai Melayu" dalam peruntukan yang memberi keupayaan itu.

Selain daripada itu terdapat satu kategori yang langsung tidak mempunyai kaitan dengan "Melayu" tetapi diberikan keupayaan yang sama seperti orang Melayu iaitu Orang Siam dalam ERM Kedah dan Perlis dan "manusia jadian" (entiti seperti Badan, Syarikat, Pertubuhan dan Persatuan) yang diberikan keupayaan dalam ERM tanpa memberikan definisi kepada entiti ini. Entiti ini ialah entiti Bukan Melayu yang diberi keupayaan untuk menyertai ERM.
Jadi dalam ERM terdapat tiga jenis entiti yang boleh mengambil bahagian dalam mekanisme ERM iaitu-
(i) Melayu Definisi,
(ii) Melayu Polisi dan
(iii) Bukan Melayu dalam keadaan tertentu.

MELAYU DEFINISI

Melayu Definisi adalah apa yang terjatuh dalam definisi Melayu dalam ERM. Definisi Melayu merujuk kepada satu rumpun bangsa manusia yang mendiami "kepulauan Melayu" yang memiliki kriteria tertentu iaitu berbangsa Melayu atau keturunannnya, bertutur bahasa Melayu atau bahasa Malayan dan beragama Islam.[17] Bagaimanapun selepas Merdeka, walau pun definisi dalam ERM tidak berubah tetapi hanya terhad kepada orang Melayu warga negara Malaysia sahaja.[18]

Definisi Melayu di dalam ERM adalah seperti gambar rajah berikut:

Jadual 1 : Melayu Definisi dalam ERM (NMB dan NMTB)

Bil	ERM	Melayu Definisi	seksyen	Catatan
1	ERM Bab 142	"Siapa sahaja yang berbangsa Malayan, secara kebiasaan bercakap bahasa Melayu atau bahasa Malayan yang lain dan menganut agama Islam	s.2	-

[17] Definisi Melayu dalam ERM 1913.
[18] Setelah Merdeka, ERM dikekalkan dan peruntukan khusus mengenainya dimasukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri diberikan kebebasan mengadakan atau meneruskan ERM masing-masing dan diberikan kebebasan untuk menggubal undang-undang mengenai Rizab Melayu. Keperluan warga negara tidak terdapat dalam ERM tetapi difahami dari peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 89(6).

2	ERM Kelantan	'Melayu ertinya seseorang yang berasal dari mana-mana bangsa "Malayan" yang bercakap mana-mana bahasa Malayan dan menganut Ugama Muhamad, dan hendaklah termasuk:- a) Majlis Agama Islam dan (b) Pegawai Pemegang Harta apabila bertindak sebagai Pentadbir atau Pemegang Amanah bagi harta pusaka simati orang Melayu.	s.2	Kelantan memasukkan syarat "natif kelantan" sebagai syarat memiliki tanah termasuk tanah dalam ERM Kelantan.
3	ERM Kedah	'Melayu' ertinya seorang yang menganut agama Islam dan lazim bercakap bahasa Melayu yang sekurang-kurangnya seorang daripada ibubapanya adalah bangsa Malayan atau berketurunan Arab.		
4	ERM Perlis	"Melayu" ertinya seorang yang berasal dari mana-mana bangsa Malayan atau orang keturunan Arab yang lazim bercakap bahasa Melayu atau mana-mana bahasa Malayan dan menganut agama Islam.	s.2	
5	ERM Johor	'Melayu' ertinya seorang yang berasal dari Bangsa Melayu atau mana-mana bangsa Malaysia yang lazim bercakap bahasa Malayan dan menganut agama Islam dan ungkapan itu *hendaklah disifatkan sebagai termasuk Pihak Berkuasa, Lembaga, Pertubuhan, Persatuan dan syarikat yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kepada Enakmen ini.*	s.2	Peruntukan "disifatkan Melayu" itu dimasukkan kemudian iaitu pada 4.9.1959
6	ERM Terengganu	'Melayu" ertinya seorang yang berasal dari mana-mana bangsa Malayan yang lazim bercakap Melayu atau mana-mana bahasa Malayan dan menganut agama Islam.	s. 2	

Mohammad Said (1992) dalam analisanya pernah membuat perbandingan definisi Melayu dalam dua ERM yang paling hampir peruntukan dan definisi Melayunya dan mendapati bahawa walau pun ERM yang hampir sama tetapi terdapat perbezaan nyata antara ERM Kedah dan Perlis. Sehinggakan ada Melayu dalam Kedah tidak boleh menjadi Melayu dalam ERM Perlis dan sebaliknya.

Jadual 2 : Perbandingan definisi "Melayu" dan implikasi dalam ERM Kedah dan Perlis[19]

Bil	Ibu	Bapa	Status anak [kedah]	Status anak [Perlis]
1	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu
2	Melayu	Bukan Melayu	Melayu	Bukan Melayu
3	Melayu	Keturunan Arab	Melayu	Melayu
4	Keturunan Arab	Melayu	Melayu	Melayu
5	Keturunan Arab	Bukan Melayu	Melayu	Bukan Melayu
6	Keturunan Arab	Keturunan Arab	Melayu	Melayu
7	Bukan Melayu	Melayu	Melayu	Melayu
8	Bukan Melayu	Keturunan Arab	Melayu	Melayu
9	Bukan Melayu	Bukan Melayu	Bukan Melayu	Bukan Melayu

MELAYU POLISI

Di samping definisi, Melayu juga "disifatkan" sedemikian dalam peruntukan ERM dan perkara ini dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.[20] Melayu yang "disifatkan" ini dipanggil "Melayu Polisi". Melayu Polisi dibenarkan menyertai ERM dalam berbagai bentuk dan sama ada dibenarkan dalam kesemua urusan dalam ERM atau khusus dalam pelupusan tanah atau urusniaga tanah dalam ERM. Dr. Shaikh Mohd Nor Alam Sheikh Hussein and Basiran Begum telah mengelaskan "Melayu Polisi" sebagai "Melayu statutori (statutory Malay)".[21] Contohnya badan-badan berkanun yang diiktiraf sebagai Melayu (such as incorporated bodies recognised as Malay).

Melayu polisi adalah entiti yang dibentuk dalam mekanisme ERM dan diujudkan melalui pindaan dalam ERM berdasarkan kepada "keperluan" dalam mekanisme itu sendiri sehinggakan terdapat keadaaan di mana ia tidak releven dengan kepentingan orang

[19] Muhammad Said Abdul Kadir Al Haj. 1992. Undang-Undang Tanah Rizab Melayu-Siapakah Melayu. (Ed. Kedua.) Unit Perundangan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Kuala Lumpur. Halaman 12(a).)
[20] Perkara 89(6).
[21] Shaikh Mohd Nor Alam Sheikh Hussein and Basiran Begum. Malay Reservations: Meeting the Challenge of the Millinium. http://www.econ.upm.edu.my/~peta/shaikh/shaikh.html (14.5.2008)

Melayu.[22] Keperluan itu tidak semestinya keperluan untuk mengekalkan tanah kepada orang Melayu tetapi atas sebab "polisi" lain.

Mekanisme menjadikan Melayu polisi adalah seperti berikut:

Di antara cara yang di nyatakan ialah -

(a) Entiti (Badan) tertentu (bukan orang semulajadi), diisytiharkan sebagai "Melayu". Contohnya seksyen 19 ERM Kedah –secara diisytiharkan sebagai "Melayu"oleh Raja Dalam Mesyuarat.

(b) "Dianggap sebagai "Melayu". Contohnya tafsiran "Syarikat Pegangan Melayu" dalam ERM Bab 142.

(c) Disifatkan sebagai Melayu dalam keadaan tertentu seperti Pegawai Pemegang Harta atau Pemegang Amanah Raya dalam seksyen 20 ERM Terenggan dan Seksyen 19 ERM Johor.

(d) Ditafsirkan sebagai "Melayu" contohnya seksyen 2(i) ERM Johor

Dengan itu boleh dinyatakan bahawa "Melayu Polisi" ialah:
"mana-mana entiti yang asalnya Bukan Melayu diberikan keupayaan perundangan sebagai "orang Melayu" dalam TRM dan dalam peruntukan yang memberikan keupayaan itu terdapat bahawa entiti itu dianggap atau diisytiharkan sebagai Melayu". Pemberian keupayaan perundangan itu dimasukkan melalui peruntukan ERM yang memberikan keupayaan kepada entiti untuk menerima pelupusan tanah atau melakukan urusniaga dalam ERM sama seperti "Melayu Definisi" dan dianggap Melayu dimana tanpa pengupayaan tersebut, entiti tersebut adalah Bukan Melayu dalam konteks ERM.

Secara umumnya Melayu Polisi dalam ERM terdapat dalam semua ERM kecuali Perlis[23] dan Kelantan, cuma konsep Melayu polisi ini adalah dimasukkan kemudian melalui pindaan di dalam ERM sama ada melalui peruntukan proviso atau pun pindaan kepada seksyen tertentu.

Jadual 3 : Melayu Polisi dalam ERM (NMB dan NMTB)

Bil	ERM	seksyen	Penjelasan Melayu Polisi	catatan
1	Bab 142 dan Wilayah Persekutuan	Sek.2	Dalam ERM Bab 142, terdapat satu ciri "entiti" yang dinyatakan sebagai "*dianggap sebagai Melayu*" iaitu :-	Tanah yang di beri milik adalah "Pegangan Melayu".

[22] Contohnya hampir semua ERM memberikan keupayaan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk memegang gadaian tanah ERM sedangkan PTP tidak ditubuhkan untuk tujuan tersebut melalui Akta Peruruhjaya Tanah Persekutuan.

[23] Seksyen 17A(iii) ERM Perlis menyatakan: "Peruntukan dalam enakmen ini hendaklah terpakai pada mana-mana badan berkanun atau syarikat yang di senaraikan dalan Jadual D seperti mana peruntukan itu terpakai kepada orang Melayu atau orang Siam"

			1. Syarikat itu hendaklah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu syarikat sendirian berhad. Syarikat Kerjasama yang didaftarkan dibawah Akta Syarikat Kerjasama 1946 tidak boleh diambil kira. 2. Kesemua ahlinya hendaklah Melayu atau syarikat Melayu yang ditafsirkan sebagai Melayu 3. Ada diperuntukan secara hitam putih didalam undang-undang tubuhnya bahawa penjualan saham-saham syarikat itu hanya pada Melayu atau syarikat Melayu sahaja. (walau pun di nyatakan "status entitinya ini" tetapi daripada ciri nya ia dikenali sebagai "Syarikat Pegangan Melayu".	
2	ERM Kedah	Sek.19	Institusi dan syarikat yang di dalam Jadual Kedua "diisytiharkan sebagai Melayu" di bawah seksyen 19 mendapat semua perlindungan dan keistimewaan sama seperti yang didapati oleh orang Melayu.	Apabila di isytiharkan, maka institusi atau syarikat "di anggap" sebagai Melayu
3	ERM Perlis		Tiada	
4	ERM Kelantan	Sek. 13A	Diisytiharkan oleh Raja Dalam Mesyuarat sebagai Melayu	
5	ERM Johor	Sek.2.Tafsiran	1. Pihak Berkuasa, Lembaga, Badan, Persatuan dan syarikat yang tersenarai di dalam Jadual Kedua mendapat semua perlindungan dan keistimewaan sama seperti yang di dapati oleh orang Melayu. Dianggap sebagai Melayu (Dalam definisi Melayu)	Senarai Jadual Kedua adalah senarai "Melayu"

		Sek.19	Pemegang Amanah awam dan pent'adbir Harta dianggap sebagai Melayu dalan kes tertentu (Dalam keadaan ia bertindak sebagai wakil kepada orang Melayu)	
6	ERM Terengganu	Sek.2. (tafsiran Syarikat pegangan Melayu)	1. Syarikat Pegangan Melayu mendapat semua perlindungan dan keistimewaan sama seperti yang didapati oleh orang Melayu. Syarikat ini mestilah: (a) Di perbadankan mengikut undang-undang syarikat, (b) Artikel persatuannya menghalang pindah milik saham kepada Bukan Melayu; dan (c) Satu daripada tujuannya ialah untuk mengurusniagakan tanah-tanah orang Melayu (Syarikat pegangan Melayu bagi tujuan (a) dan (b) di atas "dianggap" sebagai Melayu.	
		Sek.20	2. Pemegang harta dianggap sebagai Melayu dalam kes tertentu.(Bila bertindak sebagai pemegang Amanah kepada orang Melayu)	

BUKAN MELAYU DALAM ERM

Orang Bukan Melayu (sama ada orang semulajadi atau orang jadian) secara amnya ialah orang selain Melayu Definisi dan Melayu Polisi di mana secara umumnya tidak boleh menguasai sebarang kepentingan Melayu dalam ERM. Perkara ini terdapat dalam sekatan-sekatan yang dinyatakan oleh ERM. Bagaimanapun terdapat pengecualian tertentu yang akan dibincangkan.

Orang Bukan Melayu dalam aspek ERM terdiri daripada (i) orang Bukan Melayu yang langsung tidak dibenarkan menyertai ERM, (ii) orang Bukan Melayu yang menjadi pemilik tanah yang telah diisytiharkan sebagai ERM dan (iii) orang Bukan Melayu yang dibenarkan menyertai ERM. Bukan Melayu boleh terdiri daripada sama ada orang semulajadi atau orang jadian yang tidak terjatuh dalam definisi Melayu dalam ERM dan juga tidak terjatuh dalam pengertian Melayu Polisi (disifatkan sebagai Melayu) dalam ERM.

Kebenaran dalam konteks ini diberikan dalam dua bentuk:

(i) ***secara umum*** - Dalam peruntukan ERM membenarkan sesuatu entiti Bukan Melayu menyertai dalam mekanisme ERM sepenuhnya.[24] Kebenaran ini membolehkan entiti ini menerima pemberian milik, melakukan urusniaga dalam ERM dan tidak terikat dengan sebarang halangan urusniaga. Entiti seperti ini dinyatakan dalam ERM. Contohnya Proviso kepada seksyen 17A, ERM Perlis yang memperuntukkan,

17A (i) "Walau apapun mana-mana peruntukan terkandung dalam Enakmen ini, mana-mana tanah rizab boleh diberi milik, dijual, dipajak atau sebaliknya dilupuskan kepada mana-mana badan korporat atau syarika t yang di senaraikan dalam Jadual D.

(ii) Raja Dalam Mesyuarat boleh, dari semasa ke semasa, menambah, memotong daripada atau meminda Jadual D.

(iii) Tanpa prejudis kepada sub-seksyen (i), peruntukan-peruntukan dalam Enakmen ini hendahklah terpakai kepada mana-mana badan korporat atau syarikat yang disenaraikan dalam Jadual D seperti mana mereka terpakai kepada orang Melayu atau orang Siam"

Badan korporat atau syarikat ini Bukan Melayu Definisi dan bukan disifatkan Melayu (Melayu Polisi) tetapi mereka dibenarkan menerima milik tanah TRM, membeli atau menerima pajakan tanah TRM. Ianya kebenaran umum kerana keupayaan yang diberikan menyebabkan ianya mempunyai hak dan keupayaan sama seperti Melayu Definisi.

(ii) ***Secara khusus*** - Dalam peruntukan itu dinyatakan perkara tertentu sahaja yang boleh di sertai oleh Bukan Melayu seperti boleh menerima gadaian dan lien.

Jadual 4 : Kedudukan Bukan Melayu dalam konteks ERM.[25]

<table>
<tr><th>Jenis Bukan Melayu</th><th colspan="2">Kebolehan menyertai ERM</th><th>Seksyen</th><th>catatan</th></tr>
<tr><td>Jenis 1: (Di luar TRM)</td><td colspan="2">Tidak boleh menyertai ERM</td><td>s. 7 ERM Bab 142</td><td></td></tr>
<tr><td>Jenis 2:(Di dalam TRM)</td><td colspan="2">Pemilik tanah sebelum tanah tersebut diisytiharkan sebagai ERM atau selepasnya sebelum Merdeka.[26]</td><td></td><td>Tanah yang dipegang bukan "Pegangan Melayu"(dibenarkan melakukan urusniaga dengan Bukan Melayu yang lain)</td></tr>
<tr><td>Jenis 3: (Dibenarkan menyertai dalam ERM)</td><td>(a)Secara umum</td><td>1. Badan korporat dan syarikat yang disenarai dalam Jadual D (ERM Perlis). Dibenarkan bertindak sebagai Melayu</td><td>Sek. 17A ERM Perlis</td><td>(Di jadualkan dalam Jadual D)(dimasukkan dalam tahun 1962)</td></tr>
</table>

[24] Terdapat peruntukan yang membenarkan entiti Bukan Melayu bertindak sebagaimana orang Melayu dalam ERM.

[25] Jadual 4 Menjelaskan kedudukan orang Bukan Melayu di dalam ERM, terdapat 3 jenis orang Bukan Melayu (i) orang Bukan Melayu di luar ERM, (ii) Orang Bukan Melayu pemilik tanah TRM (ii) Orang Bukan Melayu yang diterima untuk menyertai ERM sama ada secara umum atau secara khusus.

[26] Selepas Kemerdekaan tidak dibenarkan mengikut perkara 89(4) Perlembagaan Persekutuan.

		2. Orang Siam Kedah	Sek. 6(1) ERM Kedah	Tanah tidak semestinya tanah "Pegangan Melayu".
		3. Orang Siam Perlis	Sek.5,5 A, 6 dan 7 ERM Perlis	Tanah tidak semestinya tanah "Pegangan Melayu".
	(b)Secara khusus	1. Proviso dalam seksyen 7 ERM Bab 142. Syarikat dan badan Korporat yang di senaraikan dalam Jadual Ketiga boleh menerima pemberi milikan tanah dalam TRM	Proviso seksyen 7 ERM Bab 142	
		2. Peruntukan ERM itu dinyatakan perkara tertentu sahaja yang boleh disertai oleh Bukan Melayu seperti boleh menerima gadaian dan lien.	Sek. 17 ERM Bab 142. Institusi atau syarikat dalam Jadual Kedua	

Jadual 5: Penyertaan Bukan Melayu (Jenis 3) dalam ERM secara umum atau khusus.[27]

Bil	ERM	Seksyen	Peruntukan	Catatan
1	ERM Bab 142 dan Wilayah Per. Kuala Lumpur	Proviso Sek.7	Institusi dan syarikat yang tersenarai dalam Jadual Ketiga boleh *menerima pemberian milik tanah kerajaan di dalam* Kawasan Rizab Melayu.	Tanah yang diberi milik kepada badan dalam Jadual Ketiga di anggap "Pegangan Melayu"
		Sek. 17	Institusi dan syarikat yang tersenarai di dalam Jadual Kedua *boleh menerima gadaian dan lien.*	

[27] Kedudukan Bukan Melayu jenis (3) iaitu orang Bukan Melayu yang dibenarkan menyertai ERM sama ada secara umum atau khusus mengikut ERM negeri-negeri.

2	ERM Kedah	Sek.6 dan Sek.8	1.Orang Siam boleh terima beri milik dan boleh melakukan urusniaga serta tidak tertakluk kepada sekatan kepada Bukan Melayu.	Status tanah tidak semestinya "Pegangan Melayu"
3	ERM Perlis	Sek. 5, 5A, 6 dan 7	1. Orang Siam boleh terima beri milik dan boleh melakukan urusniaga seta tidak tertakluk kepada sekatan kepada Bukan Melayu.	
		Sek 17A	2. Institusi dan syarikat yang tersenarai di dalam Jadual D boleh menerima pemberi milikan, menerima pindahmilik, menerima pajakan atau bentuk pelupusan yang lain.	
		Sek. 9	3. Institusi dan syarikat yang tersenarai dalam jadual C boleh menerima gadaian	
4	ERM Kelantan	Sek. 13A	1. Institusi dan syarikat Bukan Melayu yang di luluskan oleh Raja Dalam Mesyuarat di bawah seksyen 13A boleh ,menerima pemberian milik, menerima pindah milik (termasuk pajakan) dan penurunan milik, atau bentuk pelupusan yang lain.	
		Sek.9A	2. Institusi dan syarikat yang tersenarai dalam Jadual D boleh menerima gadaian dan lien.	
		Sek. 9(iii)	3.Penyewaan tanah ERM tidak lebih 3 tahun	

5	ERM Johor		-	
6	ERM Terengganu	9(iii)	1.Badan yang disenaraikan dibawah sub-seksyen 9(iii) boleh menerima pindah milik pegangan Melayu dengan kelulusan Raja Dalam Majlis	
		Sek.11(e)	2. Institusi dan syarikat yang tersenarai di dalam Jadual Kedua boleh menerima gadaian atau pajakan.	
		Sek.11	3. Senarai badan yang boleh menerima gadaian dan pajakan	
		Sek.11(f)	4.Orang atau badan atau perbadanan yang di benarkan secara bertulis oleh raja dalam Mesyuarat untuk menerima gadaian dan pajakan.	

KESIMPULAN

Konsep Melayu dan mekanisme ERM adalah dua perkara yang berkait. Analisa mekanisme ERM terdapat dua jenis Melayu yang dimaksudkan iaitu Melayu Definisi dan Melayu Polisi. Melayu Definisi terdiri dari orang Melayu semulajadi yang pada awalnya terdiri dari orang Melayu Nusantara yang beragama Islam. Selepas Perjanjian Persekutuan pada 1948 dan Merdeka pada tahun 1957, Melayu Definisi hanya merujuk kepada Melayu warga negara dan bermastautin di Tanah Melayu. Dengan kemasukan orang asing dan kahwin campur, faktor keturunan Melayu menjadi makin penting di sampung kriteria lain dalam definisi Melayu. Perkembangan pelaksanaan ERM memaksa polisi dibuat meluaskan Melayu kepada Melayu Polisi dimana orang bukan semulajadi dijadikan Melayu dengan mekanisme tertentu dan diberi keupayaan tertentu dalam ERM. Melayu Polisi utama ialah Syarikat Melayu, Syarikat Pegangan Melayu dan beberapa entiti yang di Jadualkan dalam ERM. Penyenaraian dalam Jadual diputuskan oleh Raja Dalam Mesyuarat.

Melayu Polisi makin penting dan berpengaruh bersama Bukan Melayu.[28] Orang Bukan Melayu turut menguasai tanah ERM dan dibenarkan menyertai ERM dan menguasai kepentingan Melayu dalam ERM. Perkembangan ekonomi semasa memaksa dasar pembangunan melibatkan TRM dan dimajukan pada skala besar dan cepat seperti rancangan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)[29] dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).[30] Melayu Definisi makin diabaikan dan matlamat ERM makin melencong daripada asalnya.

Resali Muda
Pegawai Undang-Undang
Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
Bangunan Sultan Abdul Samad
50506 Kuala Lumpur

---

[28] Orang Bukan Melayu juga dari faktanya turut menguasai TRM secara yang tidak dibenarkan oleh ERM (Tidak Sah) seperti dijadikan alat oleh orang Bukan Melayu. Nama mereka digunakan oleh orang Bukan Melayu di dalam borang pindah milik iaitu borang 14A, KTN 1965 bila orang Bukan Melayu berkenaan membeli tanah di dalam kawasan rizab Melayu, tafsir orang Bukan Melayu sebagai Melayu atas beberapa sebab termasuk silap pemahaman Pentadbir Tanah sendiri, Bukan Melayu mengahwini Melayu dan menguasai TRM secara sebanarnya walau pun tanah itu didaftarkan atas nama isterinya, Pembatalan Kawasan Tanah Rizab Melayu Yang Tidak Diganti, Rizab Melayu yang di sewakan kepada Bukan Melayu, Pendudukan Tanah Rizab Melayu Pada Zaman Darurat dan Tanah kerajaan dalam kawasan rizab Melayu masih terdapat di sana sini dan ada antara tanah-tanah itu telah dan sedang diterokai oleh orang-orang Bukan Melayu dan juga orang Melayu sendiri tanpa mendapat apa-apa kebenaran daripada Pihak Berkuasa negeri.

[29] Satu program pembangunan ekonomi wilayah yang dilancarkan oleh kerajaan pada 29 Oktober 2007.

[30] Kawasan pembangunan ekonomi dan sosial yang membabitkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak. Dirasmikan pada 30 Julai 2007.